

PRAKATA

Panduan Soalan-Soalan Lazim (FAQ) bagi Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 19 Tahun 2008 – Pengubahsuaian Penilaian Tahap Kecekapan (SPP 19/2008) ini adalah himpunan kepada soalan-soalan serta maklumbalas dari urusetia Kementerian/Jabatan/Agensi dan bakal calon semasa sesi taklimat serta melalui panggilan telefon dan e-mel.

Tujuan panduan ini diterbitkan adalah bagi memberi kefahaman yang lebih jelas berkenaan dasar dan pelaksanaan Penilaian Tahap Kecekapan yang telah diubahsuai.

Selain daripada naskhah ini, Soalan-Soalan Lazim ini juga boleh diakses secara online melalui laman web Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) di www.jpa.gov.my

Cawangan Pengurusan Kompetensi
Bahagian Perkhidmatan
Jabatan Perkhidmatan Awam

September 2009

KANDUNGAN**SOALAN LAZIM DITANYA (FAQ)****SPP 19/2008 – PENGUBAHSUAIAN PTK**

BIL	SOALAN	HALAMAN
1.	Apakah yang diubahsuai dalam PTK yang diperkenalkan dalam SPP Bil 19 Tahun 2008?	1
2.	Bilakah pengubahsuaian PTK akan dilaksanakan?	1

KELONGGARAN SYARAT MENDUDUKI PTK

3.	Kenapa pegawai yang memilih kelonggaran syarat menduduki PTK hanya dipertimbangkan keputusan terbaik pada Aras III?	2
4.	Kenapa pegawai yang memilih kelonggaran syarat menduduki PTK tidak diberikan peluang mendapat Aras IV?	2
5.	Bolehkah pegawai yang memangku dan memperolehi keputusan Aras III menyemak semula keputusan tersebut setelah menerima surat penyiaran kenaikan pangkat?	3

SOALAN PENGURUSAN KEWANGAN

6.	Apakah rasional mewajibkan soalan bagi skim perkhidmatan yang tidak terlibat secara langsung dengan pengurusan kewangan?	3
7.	Bagaimanakah skop soalan bagi skim perkhidmatan yang tidak terlibat secara langsung dengan pengurusan kewangan?	3

KAEDAH PENILAIAN PTK

8.	Bolehkah agensi melaksanakan kaedah-kaedah yang berbeza diantara TK bagi sesuatu skim? Contoh : TK1 - PBL; TK2 - PBL; TK3 – PKB; TK4 - PPK	4
9.	Bolehkah agensi melaksanakan lebih daripada satu kaedah pada TK yang sama? Contoh : Skim A, Gred 41 TK1 menggunakan dua kaedah, PPK dan PBL.	4

BIL	SOALAN	HALAMAN
10.	Bolehkah Jabatan/Negeri/Agensi tidak menggunakan kaedah penilaian PTK yang baru?	4
11.	Bolehkan calon memilih mana-mana kaedah penilaian yang dikehendakinya?	4
12.	Adakah calon diwajibkan menduduki kedua-dua komponen Generik dan Fungsional sekaligus atau boleh memilih mendudukinya secara berasingan?	4
13.	Bolehkah pelaksanaan pengubahsuaian PTK dibuat pada tahun 2010 memandangkan soalan-soalan peperiksaan bagi tahun 2009 telah disiapkan?	5
PENETAPAN KEPUTUSAN PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN		
14.	Adakah keputusan PTK yang diperolehi sebelum kaedah baru dilaksanakan, masih boleh digunakan?	5
MEMPERBAIKI KEPUTUSAN PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN		
15.	Kenapa peluang untuk memperbaiki keputusan Aras III hanya sekali sahaja?	6
16.	Adakah calon yang beberapa kali memperbaiki keputusan Aras III dalam kaedah lama masih berpeluang memperbaiki keputusan ke Aras IV dalam kaedah baru?	6
SYARAT MENDUDUKI SEMULA ATAU MENGULANGI PTK		
17.	Kenapa calon yang tidak hadir tanpa alasan munasabah dikenakan penangguhan?	7
18.	Bilakah tempoh 12 bulan penangguhan bermula?	7
19.	Apakah yang dimaksudkan dengan 'tempoh peralihan'?	8
20.	Bagaimanakah kaedah penilaian bagi menduduki semula selepas tempoh peralihan?	8

BIL	SOALAN	HALAMAN
URUSAN MENDUDUKI SEMULA PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN DALAM TEMPOH PERALIHAN		
21.	Bagaimanakah kaedah penilaian bagi menduduki semula selepas tempoh peralihan bagi tujuan memperbaiki aras?	9
22.	Bolehkah calon yang telah lulus PTK Aras III mengikuti kaedah dalam tempoh peralihan untuk memperbaiki ke Aras IV?	10
23.	Kenapakah calon yang menduduki PTK dalam tempoh peralihan hanya boleh memperolehi keputusan terbaik pada Aras III sahaja?	10
24.	Bolehkan agensi mengubahsuai atau tidak melaksanakan kaedah dalam tempoh peralihan?	10
25.	Apakah ciri-ciri dan bentuk "Kertas Projek" bagi pegawai menduduki semula TK3 – TK6?	11
26.	Apakah ciri-ciri dan bentuk "Kertas Penilaian" bagi pegawai menduduki semula TK3 – TK6?	11
27.	Apakah ciri-ciri dan rekabentuk "Kertas Tugas Generik" dan "Kertas Tugas Fungsional" bagi pegawai menduduki semula TK1/TK2?	12
28.	Apakah ciri-ciri dan rekabentuk "Penilaian Pemahaman" bagi pegawai menduduki semula TK1 – TK3 Kumpulan Sokongan Gred 17-40?	12
29.	Bolehkah calon yang belum pernah menduduki PTK, menduduki PTK dalam tempoh peralihan?	12
30.	Adakah keputusan terbaik kaedah lama Aras III/IV boleh digabungkan di dalam komponen kaedah baru?	12
31.	Apakah kaedah PTK yang boleh dijalankan bagi pegawai-pegawai yang ditumpangkan dalam tempoh peralihan?	13
32.	Sekiranya calon masih tidak melepasi PTK selepas menduduki semula dalam tempoh peralihan, apakah kaedah PTK yang harus diikuti?	13

BIL	SOALAN	HALAMAN
33.	Apakah rasional ditetapkan tarikh lulus PTK pada hari terakhir melengkapkan PTK?	13
 KEKERAPAN PELAKSANAAN PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN		
34.	Adakah calon berpeluang menduduki PTK sehingga 4 kali setahun di bawah kaedah baru?	14
 KURSUS/MODUL KENEGARAAN		
35.	Kenapakah pegawai lantikan pertama 2 Januari 2002 dan selepasnya disyaratkan mengikuti Kursus Kenegaraan?	14
36.	Jika pegawai dilantik semula ke skim perkhidmatan lain ataupun sama pada atau selepas 2 Januari 2002, adakah perlu mengikuti kursus kenegaraan tersebut?	14
37.	Bolehkah pegawai yang dilantik selepas 2 Januari 2002 dan telah lulus PTK Aras IV tetapi belum mengikuti Kursus Kenegaraan, dipertimbangkan untuk Anjakan Gaji dan kenaikan pangkat?	15
 KEDUDUKAN PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN BAGI PEGAWAI YANG DITUKAR LANTIK		
38.	Kenapa pegawai yang ditukar lantik ke gred yang lebih tinggi perlu menduduki PTK di gred yang baru?	15
 LAMPIRAN B – PUSAT PENILAIAN KOMPETENSI		
39.	Adakah Jabatan boleh mengubahsuai aktiviti penilaian dan wajaran berkaitan dalam PPK yang telah ditetapkan oleh JPA?	16
40.	Berapakah bilangan minimum calon yang sesuai untuk melaksanakan PPK?	16
41.	Apakah kaedah yang sesuai bagi skim yang mempunyai bilangan pegawai yang sedikit dan tidak dapat melaksanakan PPK?	16
42.	Apakah yang dimaksudkan dengan Penilaian Bertulis?	16

BIL	SOALAN	HALAMAN
43.	Apakah yang dimaksudkan dengan Kertas Renungan (<i>Reflection Paper</i>)?	17
44.	Apakah yang dimaksudkan dengan Penilaian Personaliti?	17
45.	Apakah yang dimaksudkan dengan Penilaian Pengurusan Kerja dan bagaimana ia dinilai?	17
LAMPIRAN C & D – PKB / PBL		
46.	Bagaimanakah membangunkan penilaian PKB?	18
47.	Apakah aktiviti penilaian CBT bagi komponen generik kaedah PKB?	18
48.	Bagaimanakah membangunkan penilaian PBL?	19
49.	Bolehkah mata di bawah kaedah PKB yang dikumpul untuk sesuatu TK digunakan untuk TK yang berikutnya?	19
50.	Berapakah jumlah mata yang diperlukan bagi Penentuan Aras?	19

SOALAN LAZIM DITANYA (FAQ)**SPP 19/2008 – PENGUBAHSUAIAN PTK****SOALAN**

1. Apakah perkara yang diubahsuai dalam PTK yang diperkenalkan dalam SPP Bil 19 Tahun 2008?

JAWAPAN**Kaedah penilaian:**

- Bagi gred 17 hingga 54 tiga kaedah diperkenalkan:
 - Pusat Penilaian Kompetensi (PPK)
 - Penilaian Kompetensi Berterusan (PKB)
 - Penilaian Berteraskan Latihan (PBL)
- Bagi gred 1 hingga 16, ujian bertulis tidak lagi digunakan sebagai kaedah penilaian.

Aspek pengurusan:

- kelonggaran syarat menduduki PTK bagi pegawai yang memangku/dipinjamkan/ditukar sementara;
- penjelasan kedudukan PTK bagi pegawai yang ditukar lantik;
- penyelarasan syarat penumpangan PTK;
- mewajibkan soalan berkaitan kewangan;
- peningkatan komitmen kepada calon menduduki PTK;
 - penangguhan 12 bulan jika tidak hadir tanpa alasan munasabah
 - peluang sekali sahaja untuk memperbaiki keputusan Aras III
- perubahan bentuk keputusan bagi komponen penilaian;
- pemanjangan nilai taraf; dan
- penstrukturan semula program bimbingan PTK selaras dengan program latihan.

SOALAN

2. Bilakah pengubahsuaian PTK akan dilaksanakan?

JAWAPAN

Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2009

Pelaksanaan sebenar pengubahsuaian PTK tertakluk kepada kesediaan agensi pelaksana tetapi tidak lewat dari 1 Julai 2009.

KELONGGARAN SYARAT MENDUDUKI PTK

"Kelonggaran syarat menduduki PTK diberi kepada pegawai yang memangku atau pegawai yang dipinjamkan/ditukar sementara sebagai mengiktiraf kemampuan dan keupayaan pegawai yang melaksanakan tanggungjawab di gred yang lebih tinggi.

Pegawai berkenaan boleh menduduki PTK di gred yang lebih tinggi tersebut tertakluk kepada syarat berikut:

- (a) pegawai telah lulus PTK di gred hakiki; dan
- (b) pegawai hanya dibenarkan untuk menduduki PTK satu gred lebih tinggi sahaja daripada gred hakikinya.

Pegawai yang memilih untuk menggunakan kelonggaran syarat ini, keputusan yang boleh dipertimbangkan adalah tidak lebih daripada Aras III."

(Perenggan 21,22 dan 23 Panduan SPP 19/2008)

SOALAN

3. Kenapa pegawai yang memilih kelonggaran syarat menduduki PTK hanya dipertimbangkan keputusan terbaik pada Aras III?

JAWAPAN

- Keputusan pada Aras III adalah memadai untuk membolehkan pegawai dinaikkan pangkat dalam jawatan yang dipangku, terutama bagi pegawai yang memangku melangkaui gred tanpa menunggu urusan pengesahan di gred tersebut.

Contoh : Hakiki Gred 44, memangku Gred 52. Telah lulus TK3 tetapi belum disahkan di Gred 48, kini boleh menduduki TK4.

SOALAN

4. Kenapa pegawai yang memilih kelonggaran syarat menduduki PTK tidak diberikan peluang mendapat Aras IV?

JAWAPAN

- Pegawai masih berpeluang mendapat Aras IV sekiranya menduduki PTK pada gred hakiki yang lebih tinggi.
- Peruntukan ini adalah berbentuk pilihan.

SOALAN

5. Bolehkah pegawai yang memangku dan memperolehi keputusan Aras III menyemak semula keputusan tersebut setelah menerima surat penyiaran kenaikan pangkat?

JAWAPAN

Pegawai yang memilih untuk menduduki PTK dalam tempoh memangku sudah sedia maklum akan keputusan terbaik yang boleh dicapai. Oleh itu pegawai berpeluang mendapat Aras IV sekiranya menduduki PTK pada gred hakiki.

SOALAN PENGURUSAN KEWANGAN

"Pelaksanaan peraturan ini bagi skim bukan klasifikasi kewangan adalah seperti berikut:

(a) soalan berkenaan hendaklah merangkumi 10% hingga 20% daripada mana-mana komponen penilaian; dan

(b) soalan boleh dalam bentuk aneka pilihan / kajian kes / perbincangan / esei / temu duga / lisan atau kaedah-kaedah lain yang bersesuaian."

(Perenggan 28 Panduan SPP 19/2008)

SOALAN

6. Apakah rasional mewajibkan menjawab soalan pengurusan kewangan?

JAWAPAN

Bagi memastikan pegawai awam benar-benar memahami tatacara dan prosedur kewangan.

SOALAN

7. Bagaimanakah skop soalan bagi skim perkhidmatan yang tidak terlibat secara langsung dengan pengurusan kewangan?

JAWAPAN

Skop soalan hendaklah menekankan kepada aspek integriti, perbelanjaan berhemah, pengendalian aset Kerajaan dan segala aspek kewangan yang bersesuaian.

KAEDAH PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**SOALAN**

8. Bolehkah agensi melaksanakan kaedah-kaedah yang berbeza di antara TK bagi sesuatu skim?

Contoh: TK1 – PBL; TK2 – PBL; TK3 – PKB; TK4 – PPK

JAWAPAN

Boleh, tertakluk kepada persetujuan Lembaga Penilaian Kompetensi masing-masing.

SOALAN

9. Bolehkah agensi melaksanakan lebih daripada satu kaedah pada TK yang sama?

Contoh: Skim A, Gred 41 TK1 menggunakan dua kaedah, PPK dan PBL.

JAWAPAN

Tidak digalakkan kerana pegawai di gred yang sama dinilai dengan kaedah yang berbeza dari segi tempoh masa, aktiviti penilaian mungkin menimbulkan kesulitan penyelarasan dan persepsi calon.

SOALAN

10. Bolehkah Jabatan/Negeri/Agensi tidak menggunakan kaedah penilaian PTK baru?

JAWAPAN

Kaedah penilaian selain daripada yang dinyatakan di dalam SPP 19/2008 hendaklah mendapat kelulusan daripada Lembaga Penilaian Kompetensi (LPK) Kementerian/Negeri/Agensi dan dikemukakan untuk mendapat pengesahan daripada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

SOALAN

11. Bolehkah calon memilih mana-mana kaedah penilaian yang dikehendakinya?

JAWAPAN

Kaedah penilaian ditentukan oleh Lembaga Penilaian Kompetensi masing-masing.

SOALAN

12. Adakah calon diwajibkan menduduki kedua-dua komponen Generik dan Fungsional sekaligus atau boleh memilih mendudukinya secara berasingan?

JAWAPAN

Calon boleh menduduki mana-mana komponen Generik atau Fungsional mengikut pilihan calon.

SOALAN

13. Bolehkah pelaksanaan pengubahsuaian PTK dibuat pada tahun 2010 memandangkan soalan-soalan peperiksaan bagi tahun 2009 telah disiapkan?

JAWAPAN

Pelaksanaan pengubahsuaian PTK perlu dibuat selewatnya 1 Julai 2009. Soalan yang sedia ada boleh disesuaikan untuk kaedah baru.

PENETAPAN KEPUTUSAN PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

"Keputusan PTK dalam bentuk Aras adalah ditentukan berdasarkan kombinasi gred keputusan komponen dan terbahagi kepada empat peringkat gred.

Keputusan PTK pegawai adalah mengikut aras yang ditentukan berdasarkan kombinasi gred terendah bagi komponen TK berkenaan.

Walau bagaimanapun bagi pegawai yang memperoleh gred A atau B bagi salah satu komponen yang ditetapkan dan salah satu komponen yang lain mendapat keputusan gred D, keputusannya adalah pada **Aras II** (Lulus Bersyarat). Penentuan keputusan PTK berdasarkan kombinasi komponen termasuk kombinasi komponen kaedah sebelum berkuat kuasanya pekeliling ini adalah seperti di **Lampiran E.**"

(Perenggan 37, 38 dan 39 Panduan SPP 19/2008)

SOALAN

14. Adakah keputusan PTK yang diperolehi sebelum kaedah baru dilaksanakan, masih boleh digunakan?

JAWAPAN

- Boleh kerana keputusan PTK masih dalam bentuk Aras iaitu Aras I, II, III atau IV.
- Pengubahsuaian hanya melibatkan penjenamaan semula keputusan komponen daripada 'aras' kepada 'gred'.
- Kombinasi keputusan boleh dirujuk kepada contoh **Jadual 2 Lampiran E.**

MEMPERBAIKI KEPUTUSAN PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

"Pegawai yang Lulus atau Melempi Tahap Kompetensi (**Aras III**) **dibenarkan memperbaiki keputusan** PTK dengan tujuan meningkatkan kompetensi ke aras yang lebih tinggi. Pegawai berkenaan diberi **peluang sekali sahaja** untuk berbuat demikian di Tahap Kecekapan berkenaan mulai berkuat kuasanya pekeliling ini. Oleh itu, pegawai perlu membuat persediaan mencukupi bagi memastikan peluang dimanfaatkan sepenuhnya."

(Perenggan 41 Panduan SPP 19/2008)

SOALAN

15. Kenapa peluang untuk memperbaiki keputusan Aras III hanya sekali sahaja?

JAWAPAN

- Pegawai yang telah mendapat Aras III telah membuktikan penguasaan kompetensi yang baik dan telah memenuhi kompetensi yang diperlukan di gred berkenaan.
- Dari segi keperluan kerjaya, pegawai berkenaan tidak perlu lagi menduduki semula PTK. Walau bagaimanapun, peluang masih lagi diberikan untuk membaiki keputusan.
- Peluang menduduki semula PTK sewajarnya diberikan keutamaan kepada pegawai yang belum lulus.
- Memastikan pegawai betul-betul bersedia, komited dan serius ketika menduduki penilaian PTK.

SOALAN

16. Adakah calon yang beberapa kali memperbaiki keputusan Aras III dalam kaedah lama masih berpeluang memperbaiki keputusan ke Aras IV dalam kaedah baru?

JAWAPAN

Ya. Calon masih mempunyai peluang sekali untuk membaiki keputusan Aras III bermula apabila kaedah baru dilaksanakan.

SYARAT MENDUDUKI SEMULA ATAU MENGULANGI PTK

"Pegawai yang ditawarkan menduduki PTK tetapi tidak menghadiri PTK yang berkenaan, Lembaga Penilaian Kompetensi Kementerian/Negeri/Agensi boleh mengenakan peraturan **menangguhkan tempoh menduduki PTK selama 12 bulan dari tarikh PTK yang telah ditawarkan** sekiranya calon gagal mengemukakan alasan yang munasabah."

(Perenggan 44 Panduan SPP 19/2008)

SOALAN

17. Kenapa calon yang tidak hadir tanpa alasan munasabah dikenakan penangguhan?

JAWAPAN

- Untuk memberi peluang yang mencukupi kepada calon untuk membuat persediaan bagi tujuan mendapat keputusan yang lebih baik.
- Memastikan calon lebih bersedia dan komited serta tidak mengambil mudah urusan PTK kerana ianya melibatkan perbelanjaan kerajaan.

SOALAN

18. Bilakah tempoh 12 bulan penangguhan bermula?

JAWAPAN

Penangguhan 12 bulan bermula dari tarikh PTK yang tidak dihadiri.

Contoh: Tarikh tidak hadir 5 Januari 2009. Tarikh PTK berikutnya yang boleh dihadiri ialah pada 5 Januari 2010 dan seterusnya.

MENDUDUKI SEMULA DALAM TEMPOH PERALIHAN

"Pegawai yang telah menduduki PTK sebelum berkuat kuasa pelaksanaan kaedah PPK, PKB atau PBL tetapi belum Lulus PTK pada TK berkenaan hendaklah menduduki semula komponen yang berkaitan. Pelaksanaan urusan menduduki semula PTK dalam tempoh peralihan adalah seperti di **Lampiran F**. Pelaksanaan urusan ini hanya sah sehingga 31 Disember 2009. Pegawai yang masih belum lulus PTK selepas tarikh tersebut, perlu mengikuti sepenuhnya PTK menggunakan kaedah di bawah pekeliling ini."

(Perenggan 45 Panduan SPP 19/2008)

SOALAN

19. Apakah yang dimaksudkan dengan 'tempoh peralihan'?

JAWAPAN

Tempoh peralihan adalah dari tarikh bermulanya pelaksanaan kaedah baru sehingga 31 Disember 2009.

Contoh: Jika kaedah baru dilaksanakan pada 1 April 2009, tempoh peralihan adalah dari 1 April 2009 sehingga 31 Disember 2009.

SOALAN

20. Bagaimanakah kaedah penilaian bagi menduduki semula selepas tempoh peralihan bagi pegawai yang masih belum lulus?

JAWAPAN

Pegawai yang masih belum lulus PTK selepas tempoh peralihan perlu mengikuti sepenuhnya semua aktiviti dalam komponen berkenaan.

- Contoh –

Kaedah <u>Peperiksaan</u> di bawah SPP 5/2005		Kaedah Menduduki Semula di bawah SPP 19/2008
Umum	Khusus	
II	IV	Generik
III	II	Fungsional
III	II	Generik & Fungsional (memperbaiki aras ke aras IV)

Kaedah <u>Kursus</u> di bawah SPP 5/2005		Kaedah Menduduki Semula di bawah SPP 19/2008
Penilaian	Ujian	
II	IV	Generik
III	II	Fungsional
III	II	Generik & Fungsional (memperbaiki aras ke aras IV)

SOALAN

21. Bagaimanakah kaedah penilaian bagi menduduki semula selepas tempoh peralihan bagi tujuan memperbaiki keputusan dari aras III ke aras IV?

JAWAPAN

Pegawai yang ingin memperbaiki keputusan dari aras III ke aras IV selepas tempoh peralihan perlu mengikuti sepenuhnya semua aktiviti dalam komponen berkenaan.

- Contoh –

Kaedah <u>Peperiksaan</u> di bawah SPP 5/2005		Kaedah Menduduki Semula di bawah SPP 19/2008
Umum	Khusus	
III	IV	Generik
IV	III	Fungsional
III	III	Generik & Fungsional

Kaedah <u>Kursus</u> di bawah SPP 5/2005		Kaedah Menduduki Semula di bawah SPP 19/2008
Penilaian	Ujian	
III	IV	Generik
IV	III	Fungsional
III	III	Generik & Fungsional

URUSAN MENDUDUKI SEMULA PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN DALAM TEMPOH PERALIHAN

"Pegawai yang telah menduduki PTK sebelum berkuat kuasanya pelaksanaan kaedah PPK, PKB atau PBL, tetapi belum Lulus PTK pada TK berkenaan boleh menduduki semula komponen yang berkaitan berdasarkan jadual di bawah ini untuk Melepassi Tahap Kompetensi pada **Aras III**. Tempoh pelaksanaan urusan ini adalah mulai pelaksanaan kaedah PPK, PKB atau PBL sehingga 31 Disember 2009 (tempoh peralihan)."

(Lampiran F Panduan SPP 19/2008)

SOALAN

22. Bolehkah calon yang telah lulus PTK Aras III mengikuti kaedah dalam tempoh peralihan untuk memperbaiki ke Aras IV?

JAWAPAN

Kaedah dalam tempoh peralihan hanya untuk calon yang masih belum lulus PTK (Aras I atau II).

SOALAN

23. Kenapakah calon yang menduduki PTK dalam tempoh peralihan hanya boleh memperoleh keputusan terbaik pada Aras III sahaja?

JAWAPAN

Kaedah penilaian yang digunakan adalah lebih mudah berbanding kaedah lama dan juga tidak menyamai standard kaedah baru.

Aktiviti penilaian dalam tempoh peralihan ini disediakan khas untuk membantu calon melepasi tahap kompetensi.

Contoh – Ujian dalam Kursus PTK telah digantikan dengan Kertas Penilaian dalam tempoh peralihan (Jumlah soalan juga telah dikurangkan).

SOALAN

24. Bolehkah agensi mengubahsuai atau tidak melaksanakan kaedah dalam tempoh peralihan?

JAWAPAN

Penilaian dalam tempoh peralihan ini disediakan khas untuk membantu calon yang belum lulus melepasi tahap kompetensi yang ditetapkan. Oleh itu, agensi perlu memberi ruang kepada calon yang belum lulus untuk melepasi PTK.

SOALAN

25. Apakah ciri-ciri dan bentuk “Kertas Projek” bagi pegawai menduduki semula TK3 – TK6?

JAWAPAN

- Kertas tugas berasaskan kajian secara sistematik ke atas sesuatu projek mengikut Tahap Kecekapan di peringkat aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian di mana berkaitan.
- Format penyediaan Kertas Projek akan ditentukan panel penilaian.
 - Panjang kertas
 - Kumpulan Pengurusan dan Profesional
 - TK5/TK6 - 20-25 muka surat
 - TK3/TK4 - 15-20 muka surat
 - Kumpulan Sokongan : TK4 - 8-10 muka surat
 - Kualiti dan persembahan menarik, padat, menepati konteks, idea yang bernas dan realistik serta memenuhi ekspektasi kompetensi pada TK berkaitan.

SOALAN

26. Apakah ciri-ciri dan bentuk “Kertas Penilaian” bagi pegawai menduduki semula TK3 – TK6?

JAWAPAN

- Kertas jawapan berasaskan satu soalan ujian Generik dan satu soalan ujian Fungsional mengikut Tahap Kecekapan di peringkat aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian di mana berkaitan yang disokong dengan teori/fakta, bukti kajian dan rujukan serta olahan yang mantap.
- Format penyediaan Kertas Penilaian akan ditentukan panel penilaian.
 - Panjang jawapan bagi setiap satu soalan adalah 10 hingga 12 muka surat.
 - Jawapan padat, menepati konteks dan idea yang bernas dan realistik.
 - 1 daripada 2 soalan perlu dijawab bagi setiap komponen generik dan fungsional.

SOALAN

27. Apakah ciri-ciri dan bentuk “Kertas Tugas Generik” dan “Kertas Tugas Fungsional” bagi pegawai menduduki semula TK1/TK2?

JAWAPAN

- Kertas jawapan berasaskan soalan ujian Generik dan Fungsional yang disokong dengan fakta, prinsip, rasional dan rujukan serta olahan mengikut Tahap Kecekapan di peringkat kefahaman dan aplikasi.
- Format penyediaan Kertas Tugas Generik dan Kertas Tugas Fungsional akan ditentukan panel penilaian.
 - Panjang jawapan 5 hingga 7 muka surat.
 - Jawapan ringkas, padat, menepati konteks dan idea yang realistik.
 - 2 daripada 4 soalan perlu dijawab bagi setiap Kertas Tugas.

SOALAN

28. Apakah ciri-ciri dan bentuk “Penilaian Pemahaman” bagi pegawai menduduki semula TK1-TK3 Kumpulan Sokongan Gred 17-40?

JAWAPAN

Penilaian Pemahaman bermaksud soalan berbentuk aneka pilihan yang menguji calon dalam menilai tahap pengetahuan, kefahaman mengenai kompetensi gred jawatannya dan kebolehan menggunakannya dalam situasi berkaitan kerja.

SOALAN

29. Bolehkah calon yang belum pernah menduduki PTK, menduduki PTK dalam tempoh peralihan?

JAWAPAN

Calon yang belum pernah menduduki PTK hendaklah menduduki PTK kaedah baru kerana tempoh peralihan ialah untuk pegawai yang telah menduduki PTK sebelum kaedah baru dan belum lulus.

SOALAN

30. Adakah keputusan terbaik kaedah lama Aras III/IV boleh digabungkan di dalam komponen kaedah baru?

JAWAPAN

Ya, boleh digabungkan dengan komponen terbaik yang berkaitan di bawah kaedah baru. Walau bagaimanapun pegawai hanya layak menduduki sekali sahaja bagi membaiki aras di gred berkenaan.

SOALAN

31. Apakah kaedah PTK yang boleh dijalankan bagi pegawai-pegawai yang ditumpangkan dalam tempoh peralihan?

JAWAPAN

Menggunakan kaedah yang sama seperti diperuntukkan di Lampiran F.

SOALAN

32. Sekiranya calon masih tidak melepasi PTK selepas menduduki semula dalam tempoh peralihan, apakah kaedah PTK yang harus diikuti?

JAWAPAN

Mulai 2010, pegawai perlu mengikuti sepenuhnya PTK mengikut kaedah baru.

PENETAPAN TARIKH LULUS PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

"Tarikh kuat kuasa lulus PTK adalah pada **hari terakhir melengkapkan PTK** termasuk Kursus/Modul Kenegaraan bagi TK1, sekiranya berkenaan. Keputusan PTK dikeluarkan setelah Lembaga Penilaian Kompetensi Kementerian/Negeri/Agensi menimbang dan mengesahkan keputusan PTK."

(Perenggan 46 Panduan SPP 19/2008)

SOALAN

33. Apakah rasional ditetapkan tarikh lulus PTK pada hari terakhir melengkapkan PTK?

JAWAPAN

- Bagi menyeragamkan penentuan tarikh lulus untuk semua kaedah yang mempunyai jangka masa penilaian yang berbeza-beza.
- Pegawai diiktiraf lulus hanya setelah mengikuti semua aktiviti penilaian yang ditetapkan dalam kaedah.

KEKERAPAN PELAKSANAAN PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

"Kekerapan pelaksanaan PTK hendaklah disesuaikan dengan keperluan dan kaedah penilaian PTK."

(Perenggan 48 Panduan SPP 19/2008)

SOALAN

34. Adakah calon berpeluang menduduki PTK sehingga 4 kali setahun di bawah kaedah baru?

JAWAPAN

Peluang menduduki PTK tertakluk kepada kaedah yang digunakan setelah mengambil kira bilangan calon, tempoh/aktiviti penilaian digunakan dan keupayaan pengurusan.

KURSUS/MODUL KENEGARAAN

"Pegawai yang disyaratkan mengikuti Kursus/Modul Kenegaraan adalah pegawai lantikan pertama dalam perkhidmatan awam pada 2 Januari 2002 dan selepasnya yang menduduki TK1 pada gred berkenaan."

(Perenggan 50 Panduan SPP 19/2008)

SOALAN

35. Kenapakah pegawai lantikan pertama 2 Januari 2002 dan selepasnya disyaratkan mengikuti Kursus Kenegaraan?

JAWAPAN

Tarikh ini diselaraskan bagi tujuan menjelaskan maksud peruntukan tempoh pegawai yang disyaratkan mengikuti Kursus Kenegaraan sebagaimana di dalam perenggan 2 & 4 SPP 3/2005 yang dibatalkan.

SOALAN

36. Jika pegawai dilantik semula ke skim perkhidmatan lain ataupun sama pada atau selepas 2 Januari 2002, adakah perlu mengikuti kursus kenegaraan tersebut?

JAWAPAN

Pegawai berkenaan tidak dianggap sebagai lantikan pertama.

Pegawai yang bukan lantikan pertama pada atau selepas 2 Januari 2002 tidak disyaratkan mengikuti kursus kenegaraan.

Contoh 1:

Lantikan pertama N11 – 2 April 1997, lantikan kedua KPSL N17 – 3 April 2007.

Contoh 2:

Lantikan pertama DG29 – 11 Disember 1995, lantikan kedua DG41 – 3 Jun 2005.

SOALAN

37. Bolehkah pegawai yang dilantik selepas 2 Januari 2002 dan telah lulus PTK Aras IV tetapi belum mengikuti Kursus Kenegaraan, dipertimbangkan untuk Anjakan Gaji dan kenaikan pangkat?

JAWAPAN

Tidak boleh, kerana pegawai belum melengkapkan syarat lulus PTK di TK1.

KEDUDUKAN PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN BAGI PEGAWAI YANG DITUKAR LANTIK

"Keputusan PTK bagi pegawai yang ditukar lantik ke skim perkhidmatan berlainan di gred jawatan yang sama atau setaraf atas keputusan Kerajaan, boleh dipertimbangkan oleh LPK Kementerian/Negeri/Agensi yang baru untuk dinilai setara jika kompetensi kedua-kedua skim perkhidmatan adalah sama atau tidak jauh berbeza.

Pegawai yang belum melepasi tahap kompetensi yang diperlukan bagi sesuatu komponen PTK atas jawatan asal, perlu menduduki semula komponen berkenaan di atas jawatan baru.

Pegawai yang ditukar lantik ke gred jawatan yang lebih tinggi perlu menduduki PTK pada gred yang baru."

(Perenggan 70, 71 dan 72 Panduan SPP 19/2008)

SOALAN

38. Kenapa pegawai yang ditukar lantik ke gred yang lebih tinggi perlu menduduki PTK di gred yang baru?

JAWAPAN

Pegawai perlu menduduki PTK di gred yang baru kerana kompetensi di gred sebelum ditukar lantik adalah tidak sama.

PUSAT PENILAIAN KOMPETENSI

(Lampiran B Panduan SPP 19/2008)

SOALAN

39. Adakah jabatan boleh mengubahsuai aktiviti penilaian dan wajaran berkaitan dalam PPK yang telah ditetapkan oleh JPA?

JAWAPAN

Ia boleh diubahsuai mengikut kesesuaian gred dan skim perkhidmatan dengan syarat dipersetujui oleh LPK masing-masing serta dikemukakan untuk persetujuan JPA (perenggan 9 Lampiran B kepada SPP).

SOALAN

40. Berapakah bilangan minimum calon yang sesuai untuk melaksanakan PPK?

JAWAPAN

Memandangkan PPK melibatkan aktiviti berkumpulan perbincangan dan persembahan kumpulan, bilangan minimum yang sesuai adalah tidak kurang daripada 5 orang calon.

SOALAN

41. Apakah kaedah yang sesuai bagi skim yang mempunyai bilangan pegawai yang sedikit dan tidak dapat melaksanakan PPK?

JAWAPAN

Pegawai boleh menumpang mana-mana kaedah penilaian bagi skim perkhidmatan yang sama di jabatan yang lain; atau

Pegawai boleh menumpang mana-mana komponen/aktiviti penilaian bagi gred jawatan yang sama di jabatan/agensi yang lain di bawah LPK yang sama; atau

LPK boleh menentukan kaedah lain yang sesuai dan mengemukakan kepada KPPA untuk mendapatkan persetujuan.

SOALAN

42. Apakah yang dimaksudkan dengan Penilaian Bertulis?

JAWAPAN

Penilaian bertulis bermaksud penilaian dalam bentuk esei yang menguji calon berasaskan kepada pengetahuan, kefahaman dan kebolehan dalam mengaplikasi kemahiran analisis dan sintesis mengikut kompetensi gred jawatan.

SOALAN

43. Apakah yang dimaksudkan dengan Kertas Renungan?

JAWAPAN

Kertas Renungan bermaksud tugas bertulis berasaskan kepada pandangan peribadi calon terhadap sesuatu isu atau persoalan berdasarkan pengalaman, pembacaan atau sesuatu persoalan khusus. Calon dikehendaki membuktikan kefahaman terhadap sesuatu isu dengan mengemukakan cadangan berdasarkan pemerhatian, pengalaman dan pembelajaran semasa.

Isu atau persoalan yang dibincangkan boleh diasaskan kepada aktiviti seperti tayangan video, lawatan, ceramah, kajian kes dan yang sebagainya. Aktiviti yang dijalankan hendaklah berupaya untuk menguji kompetensi fungsional pegawai mengikut tahap kecekapan dan aras kesukaran.

SOALAN

44. Apakah yang dimaksudkan dengan Penilaian Personaliti?

JAWAPAN

Penilaian Personaliti bermaksud penilaian yang dibuat bagi mengukur sifat-sifat positif yang merangkumi aspek-aspek seperti penampilan diri, kepimpinan, disiplin, keyakinan diri, kematangan berfikir, kerjasama dan sebagainya dalam melaksanakan tugas di sesuatu gred jawatan dan skim perkhidmatan.

SOALAN

45. Apakah yang dimaksudkan dengan Penilaian Pengurusan Kerja dan bagaimanakah ia dinilai?

JAWAPAN

Penilaian Pengurusan Kerja bermaksud penilaian ke atas kebolehan pegawai menguruskan kerja yang dilaksanakan di tempat bertugas selaras dengan kompetensi gred jawatan.

Penilaian dibuat berdasarkan kepada pembentangan, soal jawab dan pembuktian pengurusan kerja dari aspek tugas/aktiviti/projek dan pencapaian serta impaknya di tempat bertugas calon yang dinilai oleh panel.

PENILAIAN KOMPETENSI BERTERUSAN / PENILAIAN BERTERASKAN LATIHAN

(Lampiran C & D Panduan SPP 19/2008)

SOALAN

46. Bagaimanakah membangunkan penilaian Penilaian Kompetensi Berterusan (PKB)?

JAWAPAN

Kaedah untuk membangunkan PKB meliputi:

- Menetapkan kategori CPD yang akan dinilai;
- Menentukan aktiviti-aktiviti kompetensi yang boleh dinilai seperti pembentangan kertas kerja, penerbitan dan sebagainya;
- Menentukan kursus-kursus/ceramah yang berkaitan dengan kompetensi pegawai mengikut kesesuaian gred pegawai yang boleh dinilai melalui CPD;
- Menetapkan mata/point mengikut aktiviti;
- Menetapkan mata maksimum yang boleh dikumpul bagi sesuatu kategori dan juga TK berkenaan;
- Menentukan tempoh masa penilaian dan hendaklah ditetapkan dalam tempoh 12 bulan; dan
- Menetapkan jumlah mata dan kombinasi kategori bagi penentuan Gred keputusan komponen.

SOALAN

47. Apakah aktiviti penilaian *Competency Based Training* CBT bagi komponen generik kaedah PKB?

JAWAPAN

Aktiviti penilaian CBT adalah berbentuk kursus berasaskan kompetensi generik yang mempunyai elemen penilaian yang boleh menggunakan format 60% penilaian sepanjang kursus dan 40% penilaian akhir kursus.

SOALAN

48. Bagaimanakah membangunkan penilaian Penilaian Berteraskan Latihan (PBL)?

JAWAPAN

Kaedah untuk membangunkan PBL meliputi:

- Menetapkan kursus-kursus berasaskan kompetensi pegawai yang perlu diikuti mengikut gred;
- Menetapkan aktiviti-aktiviti penilaian sepanjang kursus serta penilaian akhir kursus;
- Menetapkan pemarkahan mengikut aktiviti;
- Menggabungkan markah bagi setiap aktiviti (penilaian sepanjang kursus + penilaian akhir = markah kursus);
- Menggabungkan markah setiap kursus dan dibahagikan dengan jumlah kursus untuk penentuan gred komponen; dan
- Menentukan tempoh masa penilaian samada dalam kursus sepenuh masa atau berperingkat-peringkat mengikut kesesuaian.

SOALAN

49. Bolehkah mata di bawah kaedah PKB yang dikumpul untuk sesuatu TK digunakan untuk TK yang berikutnya?

JAWAPAN

Tidak boleh kerana pengumpulan mata hanya boleh digunakan untuk sesuatu TK pada gred hakiki pegawai.

SOALAN

50. Berapakah jumlah mata yang diperlukan bagi penentuan Aras?

JAWAPAN

Ditentukan oleh panel penilaian PKB/PBL dan diluluskan oleh Lembaga Penilaian Kompetensi Kementerian/Negeri/Agensi masing-masing.

Jumlah mata yang dikumpul hendaklah menggambarkan penguasaan kompetensi yang setara dengan Aras iaitu Aras IV menguasai kompetensi pada aras kecemerlangan, Aras III menguasai kompetensi yang diperlukan di gred berkenaan, Aras II menguasai sebahagian kompetensi dan Aras I tidak menguasai kompetensi.